

**Rubrik Pembangunan Pekan Sempadan Malaysia-Kalimantan:
Tebedu-Entikong**

Abdul Rahim Anuar
Pusat Pengajian Antarabangsa
Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia, Sintok 06010 UUM, Kedah
faks: +6049284205, hp:+60195115795
abd182@uum.edu.my

Abstrak

Wujud jurang pembangunan antara kawasan desa dan bandar atau pinggiran dan pusat. Kawasan desa/pinggir selalu dikaitkan dengan kemunduran dan kemiskinan berbanding di bandar/pusat yang dikaitkan dengan kemajuan dan penduduknya berpendapatan tinggi. Pekan di sempadan seperti antara Malaysia-Indonesia selalunya berada di kawasan pendalaman dan juga dikaitkan dengan kemunduran dan penduduknya berpendapatan rendah serta miskin. Konsep pembangunan di kawasan sempadan lebih bersifat tradisional, iaitu berteraskan pertahanan dan keselamatan dan tidak kepada pembangunan ekonomi. Pembangunan di kawasan perbatasan perlu dibangunkan dan melestarikan ke arah status ekonomi berpendapatan tinggi dengan tujuan mengeluarkannya daripada perangkap ekonomi mundur dan miskin. Ia juga membantu pembangunan yang lebih berimbang antara desa-bandar atau pinggir-pusat. Sebagai kajian kes, pekan sempadan Tebedu (Sarawak) dan Entikong (Kalimantan Barat) dijadikan sebagai kajian kes. Latar belakang geografi, sosial dan ekonomi kedua-dua pekan itu dikaji untuk menilai tahap pembangunan ekonomi masing-masing. Wujud jurang pembangunan antara Tebedu dan Kuching (Sarawak). Begitu juga dengan Entikong dengan Pontianak (Kalimantan Barat). Antara dua pekan sempadan itu pula, berlaku ketempangan pembangunan yang Tebedu adalah lebih maju secara relatif dengan Entikong. Pelabur di kawasan sempadan menerusi inisiatif kerajaan dan swasta adalah diperlukan untuk mencetus aktiviti ekonomi menerusi pembangunan estet perindustrian dan pelabuhan darat justeru peluang pekerjaan. Ini adalah kerana Tebedu-Entikong terletak di rangkaian jalan raya utama dari Pontianak, Kuching, Brunei, dan Kota Kinabalu di bawah perancangan Koridor Ekonomi Borneo Barat. Daerah Tebedu dan Entikong yang kaya dengan sumber alam boleh eksploitasi oleh pelabur sebagai sumber bahan mentah yang murah untuk kegiatan ekonomi mereka di estet perindustrian Tebedu dan Entikong. Malah dengan adanya pelaburan darat, pintu keluar-masuk Tebedu-Entikong adalah get laluan utama ke pasaran Malaysia, Indonesia, serantau dan global. Ini mencetus peluang pendapatan dan pekerjaan kepada komuniti sempadan. Secara langsung, pendekatan pembangunan di pekan yang mengambil kira pertimbangan ekonomi, di samping mengekalkan pendekatan pertahanan dan keselamatan dapat meningkatkan pembangunan ekonomi di kawasan sempadan.

Kata kunci: ekonomi pekan sempadan, Tebedu, Entikong, pelabuhan darat, estet perindustrian